



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

DOKUMEN STANDARD PRESTASI BAHASA MALAYSIA TAHUN DUA SEKOLAH KEBANGSAAN

Falsafah Pendidikan Kebangsaan

“Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, berketrampilan dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”

PENDAHULUAN

Dokumen Standard Prestasi bagi mata pelajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dibina sebagai panduan untuk guru menambahbaik Pentaksiran Sekolah sejajar dengan pelaksanaan Pentaksiran Rujukan Standard.

Pentaksiran Rujukan Standard merupakan proses mendapatkan maklumat tentang sejauh mana murid tahu dan boleh buat atau telah menguasai apa yang dipelajari mengikut tahap-tahap pencapaian seperti yang dihasratkan oleh kurikulum mata pelajaran ini.

Adalah diharapkan dokumen ini dapat memberi maklumat yang lengkap dan tepat kepada guru tentang hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan tentang pembinaan modal insan yang berteraskan kepada pembangunan jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.

TAFSIRAN

- **Band** ialah satu label yang digunakan untuk menunjukkan tanda aras tertentu yang disusun secara hierarki digunakan bagi tujuan pelaporan individu.
- **Standard** ialah satu pernyataan tentang sesuatu domain merujuk kepada tanda aras tertentu dan bersifat generik bagi memberi gambaran holistik tentang individu.
- **Standard Prestasi** ialah pernyataan tentang tahap perkembangan pembelajaran murid yang diukur berdasarkan standard dan menunjukkan di mana kedudukan murid dalam perkembangan atau kemajuan pembelajarannya. Perkembangan dalam standard itu terbahagi kepada dua iaitu perkembangan secara mendatar (konstruk) dan perkembangan menegak (band). Pertumbuhan murid dijelaskan dengan satu atau lebih *qualifier* menggunakan perkataan atau rangkaian kata yang betul menggambarkan standard dalam bentuk hasil pembelajaran.
- **Deskriptor** ialah pernyataan yang menerangkan apa yang murid tahu dan boleh buat berdasarkan standard di mana kualiti boleh ditaksir dan dicapai.
- **Evidens**
 - Murid** : Pernyataan yang menerangkan tentang bagaimana murid melaksanakan apa yang dia tahu dan boleh buat berdasarkan deskriptor.
 - Instrumen** : Bahan atau apa-apa bentuk bukti yang dapat ditunjukkan oleh murid yang melaksanakan sesuatu tugas dalam bentuk produk atau proses seperti foto, grafik, artifak, laporan dan lain-lain.
- **Instrumen** ialah alat yang digunakan untuk menguji penguasaan atau pencapaian murid bagi sesuatu domain seperti ujian bertulis, ujian secara lisan, demonstrasi, ujian amali.

KERANGKA STANDARD PRESTASI

BAND	STANDARD
1	Tahu
2	Tahu dan Faham
3	Tahu, Faham dan Boleh Buat
4	Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab
5	Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Terpuji
6	Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Mithali

TAFSIRAN BAND

BAND	PERNYATAAN BAND	TAFSIRAN
1	TAHU	Murid tahu perkara asas, atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberi respons terhadap perkara yang asas.
2	TAHU DAN FAHAM	Murid menunjukkan kefahaman untuk menukar bentuk komunikasi atau menterjemah serta menjelaskan apa yang telah dipelajari.
3	TAHU, FAHAM DAN BOLEH BUAT	Murid menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran pada suatu situasi.
4	TAHU, FAHAM DAN BOLEH BUAT DENGAN BERADAB	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab, iaitu mengikut prosedur atau secara sistematik.
5	TAHU, FAHAM DAN BOLEH BUAT DENGAN BERADAB TERPUJI	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran pada situasi baru, dengan mengikut prosedur atau secara sistematik, serta tekal dan bersikap positif.
6	TAHU, FAHAM DAN BOLEH BUAT DENGAN BERADAB MITHALI	Murid mampu menzahirkan idea yang kreatif dan inovatif, mempunyai keupayaan membuat keputusan untuk mengadaptasi permintaan serta cabaran dalam kehidupan seharian serta boleh berbicara untuk mendapatkan dan menyampaikan maklumat menggunakan ayat yang sesuai secara bertatasusila dan menjadi contoh secara tekal.

MATLAMAT STANDARD KURIKULUM BAHASA MALAYSIA SEKOLAH RENDAH

Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah Rendah digubal untuk membolehkan murid berketerampilan dalam berbahasa dan boleh berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh pengetahuan, ilmu, kemahiran, maklumat, nilai dan idea serta hubungan sosial dalam kehidupan harian.

OBJEKTIF STANDARD KURIKULUM BAHASA MALAYSIA SEKOLAH RENDAH

Murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah Rendah berkeupayaan untuk:

- i. mendengar, mengecam, mengajuk dan menentukan arah bunyi persekitaran dengan teliti dan betul;
- ii. mendengar, memahami, dan menyebut bunyi bahasa iaitu abjad, perkataan, frasa dan ayat dengan betul;
- iii. mendengar, memahami dan memberikan respons berdasarkan arahan, pesanan dan pertanyaan dengan betul;
- iv. bertutur dan berbual serta menyatakan permintaan tentang sesuatu perkara dalam situasi formal dan tidak formal dengan betul secara bertatasusila;
- v. bercerita sesuatu perkara dan menceritakan semula perkara yang didengar menggunakan sebutan yang jelas dan intonasi yang betul;
- vi. berbicara untuk menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber dengan tepat secara bertatasusila;
- vii. berbincang dan mengemukakan pendapat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber secara bertatasusila;
- viii membaca pelbagai perkataan, frasa dan ayat secara mekanis dengan sebutan dan intonasi yang betul;

- ix. membaca, memahami perkataan, frasa dan ayat daripada pelbagai sumber dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul;
- x. membaca dan memahami maklumat yang tersurat dan tersirat daripada pelbagai bahan untuk memberi respons dengan betul;
- xi. membaca dan menaakul untuk memindahkan maklumat yang terdapat dalam pelbagai bahan.
- xii. membaca pelbagai bahan bacaan bagi memperkaya kosa kata dan maklumat untuk memupuk minat membaca;
- xiii. melakukan aktiviti pramenulis dengan betul;
- xiv. menulis secara mekanis dengan betul dan kemas;
- xv. membina dan menulis perkataan, frasa dan ayat dengan betul;
- xvi. menulis imlak dengan tepat.
- xvii. mencatat dan menulis untuk menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara dengan menggunakan bahasa yang santun;
- xiii. menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan betul;
- xix. mengedit dan memurnikan hasil penulisan;
- xx. menulis ulasan berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada pelbagai sumber;
- xxi. menggunakan sistem bahasa yang betul dalam pertuturan, pembacaan dan penulisan; dan
- xxii. menghayati dan mengamalkan nilai murni, bersikap positif, semangat patriotik dan kewarganegaraan melalui aktiviti berbahasa.

BAND	PERNYATAAN STANDARD
1	Mengetahui asas mendengar-bertutur, membaca dan menulis
2	Mengetahui dan memahami perkara yang didengar-ditutur, dibaca dan ditulis
3	Mengetahui, memahami dan memberikan respons terhadap perkara yang didengar-ditutur, dibaca dan ditulis
4	Mengetahui, memahami dan memberikan respons terhadap maklumat yang didengar-ditutur, dibaca dan ditulis dalam pelbagai situasi dengan betul
5	Memahami, menaakul dan memberikan respons/menyampaikan sesuatu perkara yang didengar-ditutur, dibaca dan ditulis dalam pelbagai situasi dengan betul dan tepat
6	Memahami, menaakul dan menilai sesuatu perkara daripada pelbagai sumber yang didengar-ditutur, dibaca dan ditulis dengan bertatasusila

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
<p>1</p> <p>Tahu</p>	<p>B1 Mengetahui asas mendengar-bertutur, membaca dan menulis</p>	<p>B1 DL1 Mendengar dan menuturkan perkataan</p> <p>B1 DB1 Membaca perkataan dengan sebutan yang betul</p> <p>B1DT1 Menulis perkataan dan ayat</p>	<p>B1 DL1 E1 Mendengar dan menyebut perkataan dan frasa</p> <p>B1 DL1 E2 Mendengar dan menyebut seni kata lagu</p> <p>B1 DB1 E1 Membaca perkataan secara mekanis</p> <p>B1 DT1 E1 Menulis perkataan yang mengandungi dua dan tiga suku kata</p> <p>B1 DT1 E2 Menulis perkataan yang mengandungi diftong, vokal berganding, digraf dan konsonan bergabung</p> <p>B1 DT1 E3 Menulis frasa dan ayat</p>

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
<p style="text-align: center;">2</p> <p style="text-align: center;">Tahu dan Faham</p>	<p>B2 Mengetahui dan memahami perkara yang didengar-ditutor, dibaca dan ditulis</p>	<p>B2 DL1 Mendengar, memahami dan menuturkan ayat</p> <p>B2 DB1 Membaca dan memahami ayat daripada pelbagai sumber</p> <p>B2 DT1 Membina dan menulis dengan betul</p>	<p>B2 DL1 E1 Berkomunikasi tentang sesuatu perkara</p> <p>B2 DB1 E1 Membaca dan memahami ayat dengan sebutan yang jelas dan intonasi yang betul</p> <p>B2 DT1 E1 Membina dan menulis perkataan yang mengandungi dua dan tiga suku kata</p> <p>B2 DT1 E2 Membina dan menulis perkataan yang mengandungi diftong, vokal berganding, digraf dan konsonan bergabung</p> <p>B2 DT1 E3 Membina dan menulis frasa dan ayat tunggal</p>

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
<p style="text-align: center;">3</p> <p style="text-align: center;">Tahu, Faham dan Boleh Buat</p>	<p>B3 Mengetahui, memahami dan memberikan respons terhadap perkara yang didengar-ditutor, dibaca dan ditulis</p>	<p>B3 DL1 Mendengar, memahami dan memberikan respons terhadap arahan, soalan dan pesanan</p> <p>B3 DB1 Membaca, memahami dan mengenal pasti idea daripada pelbagai bahan</p> <p>B3 DT1 Membina, menulis dan memahami ayat</p>	<p>B3 DL1 E1 Memberikan respons secara lisan dan gerak laku terhadap arahan</p> <p>B3 DL1 E2 Memberikan respons secara lisan terhadap soalan</p> <p>B3 DL1 E3 Memberikan respons secara lisan dan gerak laku berdasarkan pesanan</p> <p>B3 DB1 E1 Menyatakan idea daripada bahan yang dibaca</p> <p>B3 DT1 E1 Membina dan menulis ayat yang gramatis menggunakan pola ayat FN+FN, FN+FK, FN+FA dan FN+FS</p>

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
<p style="text-align: center;">4</p> <p style="text-align: center;">Tahu, Faham, Boleh Buat dengan Beradab</p>	<p>B4 Mengetahui , memahami dan memberikan respons terhadap maklumat yang didengar-dituturkan, dibaca dan ditulis dalam pelbagai situasi dengan betul</p>	<p>B4 DL1 Berkomunikasi menggunakan ayat yang betul dalam pelbagai situasi</p> <p>B4 DB1 Memahami dan memberikan respons yang betul terhadap maklumat yang dibaca</p> <p>B4 DT1 Mengenal pasti dan mencatat maklumat yang betul</p>	<p>B4 DL1 E1 Berkomunikasi dalam situasi tidak formal</p> <p>B4 DL1 E2 Menyatakan permintaan dengan intonasi yang betul dalam situasi tidak formal</p> <p>B4 DB1 E1 Membaca, memahami dan menyusun maklumat mengikut urutan</p> <p>B4 DT1 E1 Menghubungkan dan mencatat maklumat daripada pelbagai sumber</p>

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
<p style="text-align: center;">5</p> <p style="text-align: center;">Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Terpuji</p>	<p>B5 Memahami, menaakul dan memberikan respons / menyampaikan sesuatu perkara yang didengar-ditutur, dibaca dan ditulis dalam pelbagai situasi dengan betul dan tepat</p>	<p>B5 DL1 Bercerita dan menceritakan sesuatu perkara yang mengandungi pengajaran dengan tepat</p> <p>B5 DB1 Membaca, memahami dan menyatakan maksud untuk memindahkan maklumat dengan tepat</p> <p>B5 DT1 Menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara dengan tepat</p>	<p>B5 DL1 E1 Bercerita tentang perkara yang mengandungi pengajaran menggunakan sebutan yang jelas, intonasi yang betul dan kosa kata yang luas</p> <p>B5 DL1 E2 Menceritakan perkara yang mengandungi pengajaran menggunakan sebutan yang jelas dan intonasi yang betul</p> <p>B5 DB1 E1 Menyusun maklumat tersurat dengan tepat</p> <p>B5 DB1 E2 Memberikan maklum balas terhadap bahan yang dibaca dengan tepat</p> <p>B5 DT1 E1 Menulis untuk menyampaikan maklumat yang betul menggunakan ayat yang santun</p> <p>B5 DT1 E2 Membina dan menulis jawapan dengan ayat yang lengkap</p>

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
<p style="text-align: center;">6</p> <p style="text-align: center;">Tahu, Faham Dan Boleh Buat dengan Beradab Mithali</p>	<p>B6 Memahami, menaakul dan menilai sesuatu perkara daripada pelbagai sumber yang didengar-ditutor, dibaca dan ditulis dengan bertatasusila</p>	<p>B6 DL1 Berbicara untuk menyampaikan maklumat dengan tepat dan bertatasusila untuk mempengaruhi khalayak</p> <p>B6 DL2 Berbincang dan mengemukakan pandangan secara bertatasusila</p> <p>B6 DB1 Memahami dan menilai bahan penulisan kreatif yang dibaca</p>	<p>B6 DL1 E1 Berbicara untuk menyampaikan maklumat menggunakan ayat yang sesuai secara bertatasusila</p> <p>B6 DL1 E2 Berbicara untuk mempengaruhi khalayak dengan menggunakan ayat yang sesuai secara bertatasusila</p> <p>B6 DL2 E1 Berbincang dan mengemukakan pandangan tentang sesuatu perkara secara bertatasusila</p> <p>B6 DB1 E1 Memahami maklumat daripada bahan grafik dan bukan grafik untuk menyatakan maksud dengan betul</p> <p>B6 DB1 E2 Memindahkan maklumat daripada bahan grafik menggunakan ayat majmuk dengan tepat</p>

		<p>B6 DT1 Menghasilkan penulisan naratif dan bukan naratif yang dapat mempengaruhi khalayak secara bertatasusila</p> <p>B6 DT2 Mengedit dan memurnikan hasil penulisan</p>	<p>B6 DT1 E1 Menghasilkan penulisan dalam bentuk naratif dan bukan naratif menggunakan ayat yang gramatis</p> <p>B6 DT2 E1 Mengedit dan memurnikan hasil penulisan dari segi ejaan dan tanda baca</p>
--	--	--	---